

Rencana Pengarang/*Editorial*

Penelitian Sepintas Lalu Status dan Citra Wanita Melayu Sebelum Merdeka

Isu wanita dan kewanitaan serta hubungan gender sudah banyak diperkatakan oleh pelbagai pihak, namun masih banyak dokumentasi berlandaskan kaji selidik empirikal terutamanya di peringkat tempatan yang perlu dijalankan. Pada asasnya terdapat tiga tumpuan penyelidikan dan penulisan mengenai isu-isu tersebut yang dianggap dominan. Tumpuan pertama ialah penonjolan citra wanita dari segi arah dan matlamat. Kedua, tumpuan kepada pembikin citra khususnya menerusi produk dan karya penulis, wartawan, penerbit, media massa dan seumpamanya, di samping wanita itu sendiri. Dan ketiga, jenis-jenis isu yang membabitkan status wanita, kewanitaan dan hubungan gender.

Dalam konteks masyarakat tradisional Melayu sebelum merdeka, persoalan identiti, kedudukan dan citra wanita memang kurang mendapat perhatian dari para penyelidik, baik yang mengkhusus dalam bidang gender sendiri, mahupun mereka yang berada dalam bidang-bidang lain dan mengkaji masyarakat silam. Kebanyakan mereka tidak memilih isu wanita dan kewanitaan sebagai penyelidikan teras mereka. Walau bagaimanapun, maklumat-maklumat berkaitan sebenarnya wujud secara terpisah-pisah dalam pelbagai sumber, sama ada dalam bentuk dokumen lama mahupun penerbitan baru seperti autobiografi pemimpin wanita: Fatimah Hashim, Aishah Ghani, Khatijah Sidek dan lain-lain. Apapun sebab-sebabnya, lompang ini telah diisi oleh Kelompok Kajian Wanita, ATMA yang telah memilih untuk mengkaji persoalan identiti, kedudukan dan citra wanita Melayu tradisional pada abad ke-19 dan sebelum merdeka. Sehubungan dengan usaha itu, dua siri seminar telah diadakan di ATMA pada Disember 1996 dan Julai, 1998.

Masyarakat yang melatari kehidupan wanita pada period itu amat berpengaruh terhadap kedudukan, identiti dan citra wanita. Di satu pihak, masyarakat Melayu tradisional telah meletakkan asas-asas nilai dan norma tentang wanita dan kewanitaan Melayu. Sesuai dengan nilai dan norma masyarakat Melayu yang menganggap golongan wanita sebagai golongan lemah yang perlukan perlindungan lelaki (bapa, abang, suami, ipar), maka tidak hairanlah jika wanita tradisional pada asasnya bersifat stereotaip, pasif, subordinat, terkongkong di samping sifat-sifat kewanitaan 'sejati', sesuai dengan kehendak keluarga dan nilai masyarakat semasa.

Di satu pihak lagi, pengaruh barat menerusi kolonialisme telah membawa idea-idea baru atau modernisasi ke dalam masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, sebilangan besar orang Melayu sukar menerima kemunculan gejala-

gejala baru dalam masyarakat, malah ada yang menentang kerana takut akidah dan adat resam Melayu tergugat. Namun, arus politik dan ekonomi penjajah Inggeris yang jauh lebih dominan di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Bersekutu, berjaya memberi impak signifikan akibat: pentadbiran Inggeris menerusi sistem residen; perusahaan lombong bijih dan ladang getah; perbandaran dan perkembangan bandar-bandar perlombongan dan pelabuhan seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Singapura, Pulau Pinang dan lain-lain; penghijrahan masuk migran dari India, China dan Indonesia; peningkatan sistem perhubungan dan perubahan dalam aspek pendidikan, kesihatan, perubatan dan lain-lain.

Kesemuanya telah merobah morfologi kawasan yang dibangunkan di samping perubahan sistem-sistem sosiobudaya, struktur politik dan ekonomi tempatan kepada pengurusan ala-barat (Inggeris). Kewujudan persekitaran sosial yang baru, terutama di persekitaran bandar, dan pendedahannya kepada orang Melayu yang berpendidikan telah memudahkan lagi proses penerimaan dan pengamalan cara dan gaya hidup baru yang tidak lagi boleh dikategorikan sebagai tradisional. Malah, konsep moden mula diberi perhatian oleh sebahagian masyarakat Melayu sebagai asas kemajuan.

Persoalannya, apakah kemajuan dan perubahan turut dialami oleh kaum wanita ketika itu? Tidak dapat dinafikan bahawa proses modernisasi melalui kolonialisme telah memberi kesedaran kepada segelintir ahli masyarakat, sama ada wanita sendiri mahupun lelaki, tentang kedudukan wanita yang rendah dan terkongkong. Ramai yang sedar tentang perlunya wanita diberi pendidikan formal. Pendidikan merupakan antara prasyarat utama untuk membentuk wanita yang berfikiran terbuka kepada pembaharuan dan berani bersuara untuk kepentingan wanita sendiri. Walaupun tidak ramai wanita sebelum merdeka berpeluang menikmati kehidupan yang baik, namun perubahan telah mula bertapak ketika itu tetapi bukan tanpa tentangan dari sebahagian masyarakat. Oleh yang demikian, usaha-usaha bagi meningkatkan taraf hidup wanita bukanlah mudah dan memakan masa yang panjang. Justeru, semakin lama jangka masa silam disorot, maka semakin banyak kekurangan-kelemahan yang boleh dikenal pasti wujud dalam masyarakat terdahulu.

Usaha ke arah memahami wanita dan kewanitaan dalam konteks epistemologi Melayu adalah perlu dalam usaha meletakkan landasan pemahaman mengenai apakah kedudukan, citra dan identiti wanita Melayu; siapakah mereka dan bagaimanakah citra dan identiti wanita Melayu terbentuk? Persoalan inilah yang menjadi tumpuan dalam artikel ini dan juga dalam lima artikel lain yang dimuatkan dalam jurnal ini.

STATUS WANITA

Status bermaksud kedudukan individu dalam sistem sosial (Linton 1976) dan kedudukan ini seterusnya bertindak menentukan hak, tugas dan tanggungjawab

mengikut tinggi rendahnya status seseorang. Dengan kata lain, status berkait rapat dengan peranan atau rol individu dalam keluarga, masyarakat dan pelbagai situasi sosial lain. Status dan peranan individu adalah berbeza-beza mengikut keadaan, tempat dan kumpulan atau kelompok. Sehubungan dengan itu, faktor persekitaran dalam arena kehidupan manusia memainkan peranan penting dalam menentukan status (Anker et al. 1982).

Selain itu, status individu juga berbeza-beza mengikut bidang dan strata sistem-sistem sosial, ekonomi, perundangan, ideologi dan agama. Justeru, setiap individu mungkin mempunyai status tinggi dalam satu sub-bidang sosial tetapi berstatus rendah dalam sub-bidang lain. Di kalangan wanita, status mereka dalam masyarakat bukan sahaja berbeza dari lelaki tetapi juga berbeza antara sesama wanita sendiri yang menggambarkan perbezaan kekuatan di antara wanita, autonomi, dan hak sosial dan seterusnya menentukan keupayaan wanita bertindak dan mempengaruhi individu lain (Sandy A 1974).

Dari perspektif kajian wanita dan kewanitaan, status atau kedudukan, citra dan identiti adalah tiga istilah yang saling berkaitan untuk menjelaskan isu-isu gender. Hubungan antara istilah-istilah tersebut adalah bukan sehalu, tetapi pelbagai hala dan kompleks. Realiti kedudukan wanita dalam masyarakat mungkin boleh dilihat sebagai mempengaruhi dan membentuk citra wanita, tetapi imej wanita yang sedia ada pada tanggapan dan nilai masyarakat juga menjadi penentu kepada kedudukan wanita dan seterusnya tingkah laku wanita dalam masyarakat.

Umumnya, wanita mempunyai kuasa terhad, bergantung kepada kedudukan mereka dalam keluarga atau masyarakat. Dalam konteks hubungan wanita dengan orang di sekelilingnya, sama ada sebagai anak, isteri, menantu dan pekerja, kedudukan wanita amat jelas digambarkan oleh tingkah laku mereka sebagai penurut perintah dan juga oleh beban tugas berat yang dipikul wanita untuk memenuhi keperluan ahli keluarga dan majikan. Dalam banyak keadaan, wanita kelihatan tidak setaraf dengan lelaki, tidak terlibat dalam proses membuat keputusan walaupun keputusan untuk dirinya sendiri, tidak mempunyai banyak pilihan untuk dipilih dan justeru, kebanyakan wanita menerima sahaja apa jua ketentuan keluarga dan persekitaran sosialnya.

Menurut Maznah dan Wong (1994), kumpulan feminis Barat melihat persoalan kedudukan wanita dalam beberapa konteks yang berkait rapat dengan tingkah laku dan pergaulan wanita, institusi sosial dan perubahan-perubahan semasa. Mereka melihat status wanita berdasarkan perbezaan gender secara biososial yang berkaitan dengan faktor psikologi dan fungsi biologi (melahirkan anak). Justeru, wanita mempunyai kecenderungan, motivasi, pencapaian, kreativiti dan identiti yang tidak sama dengan lelaki (lihat Nye, A. 1988).

Kedudukan wanita juga dikatakan hasil sosialisasi mereka dalam keluarga dan kemudian masyarakat atau di luar rumah. Pembentukan tingkah laku dan sikap ahli masyarakat dipengaruhi oleh sosialisasi yang diterima dari ibu bapa menerusi pengagihan tugas dalam keluarga, larangan-larangan ke atas anak-

anak dan adab sopan di kalangan keluarga dan bukan keluarga. Kesemuanya menegaskan perbezaan antara lelaki dan perempuan, dan bahawa lelaki lazimnya pemimpin manakala perempuan pula adalah pengikut (Maznah Mohamad dan Wong 1994).

Kumpulan feminis Barat juga melihat kedudukan wanita dari pendekatan liberalisme yang membezakan lelaki dan perempuan di tempat kerja. Lelaki merupakan tenaga kerja pilihan utama dan penting sementara wanita adalah pilihan kedua. Pendekatan ini juga melihat perbezaan kehidupan peribadi dan sosial antara pekerja lelaki dan pekerja wanita. Dalam konteks itu, golongan lelaki dikatakan lebih liberal dalam aktiviti sosial dan ekonomi berbanding dengan wanita. Sehubungan dengan itu, peluang-peluang memperolehi status, kekayaan dan kuasa dalam sektor pekerjaan dan masyarakat adalah cenderung kepada lelaki dan sebaliknya kepada golongan wanita.

Status wanita dari pandangan golongan marxisme menekankan aspek sosioekonomi dalam menentukan perbezaan status. Perbezaan status antara lelaki dan wanita dikatakan berpunca dari perbezaan status ekonomi (pendapatan, prestij kerja), pemilikan harta dan keperluan tenaga kerja. Sehubungan dengan wujudnya peraturan/adat dalam masyarakat secara tersurat dan tersirat yang memberi keutamaan dan kesempaan lebih tinggi kepada lelaki dari segi pemilikan harta dan peluang, maka dengan sendirinya status wanita dan lelaki tidak sama.

Pendekatan kumpulan feminis Barat untuk menerangkan status wanita secara sektoral yang terpisah-pisah memang sukar diterima. Hakikatnya, faktor biologi sahaja tidak menentukan status wanita sekiranya tidak diasaskan dalam budaya dan masyarakat. Tugas dan tanggungjawab bukan lahir dari sifat semula jadi manusia, tetapi dipelajari (Roziyah Omar 1994) sama ada dari ahli keluarga mahupun bukan ahli keluarga secara tak formal dan juga formal. Faktor liberalisasi juga boleh meningkatkan status wanita sekiranya wanita diberi peluang dan ruang. Persoalan yang lebih penting ialah kedudukan wanita dalam sesebuah masyarakat ditentukan oleh kuasa lelaki yang menguasai dan mendominasi kehidupan wanita. Menurut Maznah Mohamad dan Wong (1994) struktur dominasi tersebut dapat dilihat dalam bentuk patriaki dan disengajakan.

Masyarakat tradisional yang kukuh dengan nilai dan norma tradisi secara umumnya menunjukkan ciri-ciri stereotaip dalam pelbagai aspek kehidupan. Dari perspektif Melayu zaman moden, hampir keseluruhan ciri-ciri berkenaan secara perbandingan adalah relatif lebih *inferior*. Dari kaca mata penjajah, status wanita Melayu adalah lebih rendah dari masyarakat umum atau tempatan lain yang rata-rata dianggap sebagai rakyat kelas kedua.

Berhubung dengan kehidupan kaum wanita pada zaman lampau, noveltinya terletak pada kepatuhan dan kesetiaan mereka kepada sistem kemasyarakatan di sekeliling tanpa soal jawab. Keadaan-keadaan lain mungkin sama atau lebih daif dari masyarakat umum, bergantung kepada taraf hidup keluarga dan kedudukan mereka dalam keluarga. Secara perbandingan dengan

wanita hari ini, bolehlah dikatakan bahawa wanita tradisional kurang menikmati pelbagai kemudahan dan tidak berpeluang melakukan pelbagai hal secara bebas seperti yang dijangkakan kepada wanita sekarang.

Dalam keadaan yang serba tidak boleh dan terkongkong, wanita dengan caranya tetap berfungsi dalam keluarga dan masyarakat. Daripada segi edaran hayat, peranan wanita paling utama ialah selepas berkahwin. Dengan tugasnya sebagai isteri kepada suaminya, ibu kepada anak-anaknya, anak yang memelihara ibu bapa/mertua yang telah tua dan ahli komuniti memperlihatkan ruang lingkup aktiviti yang terhad dalam alam rumah tangga. Menerusi kerja-kerja domestik, mereka menyediakan keperluan makan minum, pakaian, rawatan dan pelbagai perkhidmatan untuk ahli keluarganya. Kepuasan dan kejayaan ahli keluarga menjadi kayu ukur kepada peranan mereka sedangkan diri mereka sendiri tidak menetapkan apa-apa ganjaran atau balasan.

Hakikatnya, mereka mungkin tidak menerima rehat yang cukup, makan sekadarnya, persekitaran yang tidak selesa, suami dan mertua yang cerewet dan lain-lain. Walau apapun, wanita menerima takdir mereka sebagai wanita yang mengharapkan perlindungan dan belas kasihan dari orang di sekeliling mereka, sebagai tukaran kepada khidmat yang mereka sumbangkan tanpa soal jawab. Sehubungan dengan kedudukan wanita yang sedemikian, masyarakat Melayu sebenarnya telah membuat tanggapan yang sama sementara wanita sendiri percaya dan menganggap persepsi diri itu adalah realiti kehidupan mereka. Hasil persepsi masyarakat terhadap wanita akhirnya membentuk citra wanita.

CITRA

Istilah 'citra' atau 'imej' yang diungkapkan daripada perkataan Inggeris 'image' berasal dari perkataan Latin iaitu 'imago'. Perkataan 'imago' pula boleh dikaitkan dengan perkataan "imitari" yang bermaksud "untuk meniru" (Faridah Ibrahim 1984).

Sehubungan dengan elemen tanggapan, citra dikatakan terbina dalam minda seseorang hasil dari interaksi, pengalaman, pengetahuan, sikap, dan penilaiannya terhadap sesuatu (Fuziah Kartini & Faridah, 1998:4). Dalam erti kata lain, citra terbentuk dalam minda manusia apabila penghakimannya terhadap sesuatu berulang-ulang sehingga menjadi persepsi yang dominan dalam dirinya.

Menurut Lippmann (dalam Faridah Ibrahim 1984:10), sarjana barat yang banyak menulis tentang citra berpendapat bahawa proses pencitraan ini boleh disamakan dengan proses penstereotaipan. Proses pencitraan juga membantu manusia memahami fenomena luaran berdasarkan kaca mata dan pengalamannya. Justeru, proses ini menyamai proses penstereotaipan kerana manusia cuba memahami dan mentakrif makna daripada persekitarannya berdasarkan

Kajian mengenai kedudukan dan citra wanita Melayu pada zaman kolonial yang lampau, baik yang tersurat mahupun yang tersirat, bagi mengesan identiti dan perkembangan martabat wanita, kewanitaan dan gender, perlu menggunakan pendekatan tidak langsung untuk mendapatkan data sekunder dengan mengkaji saluran-saluran yang menyampaikan maklumat dan simbol tentang wanita. Saluran-saluran yang telah dikenal pasti sebagai penting dalam konteks kajian mengenai penjonolan citra wanita Melayu zaman kolonial ini adalah media massa, karya-karya sastera dan dokumentasi sejarah. Walaupun data sekunder mempunyai banyak kelemahan dan batasan, namun bagi pengkaji-pengkaji, data-data tersebut adalah laporan keadaan sebenar ataupun bahan yang digarap oleh penulis berdasarkan peristiwa yang alami dalam masyarakat. Oleh yang demikian, analisis yang dihasilkan adalah relevan dengan zaman yang diwakilinya.

MEDIA MASSA

Citra mengenai negara, individu, kumpulan, organisasi, kejadian dan sebagainya dipersembahkan kepada khalayak massa dalam pelbagai bentuk dan saluran. Di dalam konteks zaman kolonial di Tanah Melayu, akhbar mengatasi media massa lain kerana kewujudannya yang lebih awal. Dalam konteks pencitraan pula, perkataan-perkataan dalam akhbar yang dicetak mampu mempengaruhi dan meninggalkan kesan mendalam di dalam minda khalayak (Faridah Ibrahim 1984). Ini kerana maklumat-maklumat melalui berita dan rencana serta gambar yang dicetak dalam akhbar adalah dalam bentuk kekal dan boleh dirujuk berkali-kali oleh para pembaca dan para pengkaji.

Media massa seperti akhbar, majalah, filem, televisyen serta radio boleh dianggap sebagai pembawa citra (*image carriers*) disebabkan berita, rencana serta visual yang disiarkan mengandungi maklumat tentang 'nasib' wanita serta simbol yang mempunyai pelbagai makna serta perlambangan. Melalui maklumat yang diperolehi, status wanita Melayu dapat digarap di samping proses mentakrif dan membuat pelbagai tanggapan yang kelak membawa kepada pembentukan citra dalam minda masing-masing.

Keunggulan media massa sebagai salah satu saluran penting dalam kajian wanita dan kewanitaan di zaman kolonial dapat dikesan dalam kajian Rahmah Hashim (1998) yang melihat penjonolan citra wanita dalam dua buah akhbar zaman kolonial, *Jawi Peranakan* dan *Utusan Melayu*. Melalui penelitian ke atas berita-berita yang disiarkan oleh akhbar-akhbar tersebut, pengkaji telah dapat mengesan beberapa perkara penting seperti isu-isu kemasyarakatan yang melibatkan wanita dan kewanitaan, orientasi penjonolan citra wanita serta persepsi para pengamal media zaman penjajah terhadap isu wanita dan kewanitaan.

Selain akhbar, filem yang ditayangkan di pawagam dan media penyiaran seperti radio juga merupakan saluran penting dalam kajian kedudukan, identiti dan citra wanita dan kewanitaan pada zaman kolonial. Sayugia dinyatakan

bahawa era filem Melayu dan media penyiaran hanya muncul di Tanah Melayu hampir separuh abad selepas kemunculan akhbar terawal Bahasa Melayu, *Jawi Peranakan* yang terbit pada tahun 1876. Fuziah Kartini & Faridah (1998) yang mengkaji filem-filem Melayu zaman kolonial, khususnya filem-filem terpilih dalam era keemasan sistem studio zaman 1950-an, mendapati sinema Melayu begitu berkesan dalam menonjolkan aktris yang sungguh berpengaruh dalam membentuk identiti wanita Melayu pada zaman tersebut.

Keunggulan filem sebagai saluran penting dalam pengkajian citra adalah disebabkan keluasan medium ini yang memperkukuhkan dan menajamkan persepsi seseorang penonton terhadap sesuatu citra melalui kelebihan dalam menggabungkan aspek komunikasi visual, komunikasi bukan lisan dan audio yang tampak begitu nyata. Ini membuat minda manusia begitu aktif berinteraksi dengan imejan yang ditonton di layar perak. Menurut Fuziah Kartini & Faridah (1998) dalam proses berinteraksi ini, para penonton sebenarnya terlibat dalam proses memilih, mentakrif dan menilai apa yang ditonton secara berulang dan seterusnya membina tanggapan dan membentuk citra.

Selain filem, media penyiaran yang mempunyai kelebihan audio, juga menampilkan isu-isu wanita dan kewanitaan melalui tokoh-tokoh penyiar wanita seperti Zamroude dan Zaharah Zaaba, Siti Hawa Zain (Mak Iti), Wong Kim Pok, Aishah Ghani, Zaleha Ismail dan ramai lagi.

Seangkatan dengan tokoh-tokoh penyiar wanita ini, bidang kewartawanan media cetak (lihat Rahmah 1998; Faridah 1990) pula menampilkan tokoh-tokoh wartawan wanita seperti Hamidah Hassan, Rashidah Ismail, Saleha Abdul Rashid (Salmi Manja), Che Dah Osman, Jamaliah Hassan, Rosewita Ali, Azah Aziz, Hajjah Zainon Sulaiman (Ibu Zain) yang mengembangkan penulisan mengenai wanita dan isu kewanitaan dalam akhbar-akhbar serta majalah-majalah yang terbit dalam zaman kolonial.

Walaupun pembabitan wanita dalam media cetak dan elektronik telah bermula sejak sebelum perang Jepun, kajian mengenai wanita dan isu kewanitaan dalam media hanya mulai diberi penelitian oleh para pengkaji tempatan di sekitar tahun 1980-an (lihat Rahmah 1998; Asiah & Faridah 1997). Sebelum itu, isu wanita yang banyak dikaji iaitu di sekitar 1970-an adalah mengenai status perundangan, wanita dan undang-undang keluarga, isu perceraian dan perkahwinan (lihat Jamilah 1991).

KARYA SASTERA

Karya sastera seperti novel, cerpen, syair, puisi, pantun, peribahasa, catatan perjalanan dan sebagainya merupakan satu lagi saluran penting dalam pengkajian wanita dan kewanitaan zaman kolonial. Melalui bahasa, kata-kata dan teknik-teknik fiksi, karya sastera mampu mengetengahkan isu-isu penting dalam masyarakat yang menyentuh wanita dan kewanitaan dengan cara yang menarik. Dalam hal ini, pengarang lama merupakan golongan

berpendidikan dan begitu peka dan prihatin tentang keadaan masyarakat. Karya terhasil dengan menggemblingkan ilmu pengetahuan mereka, sensitiviti dan maklumat yang dikutip dari pengalaman dalam masyarakat serta kepakaran menulis. Justeru, pengarang adalah 'lidah masyarakat'.

Mereka berkarya atas pelbagai sebab. Antara harapan pengarang novel termasuklah memberi pengajaran dan tauladan kepada pembaca, sebagai bahan bacaan umum dan menggalakkan golongan muda membaca (lihat Rosnah dan Noraziah 1998:6-7). Bagi generasi sekarang, hasil karya tersebut lebih bernilai kerana menerusi karya lama banyak perkara yang diketahui dan dipelajari tentang masyarakat sebelum merdeka. Karya sastera membentangkan realiti di sekeliling penulis, walaupun subjektif sifatnya dan secara tidak langsung mencernakan tanggapan dan pemikiran pengarang.

Berdasarkan watak-watak wanita dalam 13 novel sebelum merdeka, Rosnah dan Noraziah (1998:21) telah merumuskan bahawa dunia wanita pada asasnya terhad kepada alam rumah tangga. Zaman remaja wanita adalah terlalu pendek kerana mereka berkahwin ketika remaja. Tumpuan hidup wanita ialah berbakti kepada suami dan keluarga. Walau bagaimanapun, dapat dikesan kelainan dan kebebasan perilaku dan pergaulan di kalangan wanita yang mempunyai pelajaran. Justeru, faktor pelajaran dianggap penting untuk mengubah persepsi tradisional masyarakat terhadap wanita dan seterusnya mengubah 'nasib' wanita dengan meletakkan wanita Melayu yang berpelajaran pada kedudukan yang lebih baik.

Selain novel, karya-karya sastera lain seperti dalam bentuk peribahasa, puisi, pantun, syair dan lain-lain juga merupakan sumber maklumat kajian wanita dan kewanitaan. Sama seperti pengarang novel, sasterawan lain juga telah mengungkap realiti masyarakat dalam karya mereka. Menurut Bahiyah & Hafriza (dipetik dari Sharifah Zaleha & Rashila 1998:151) yang menulis mengenai lelaki dan wanita dalam peribahasa Melayu:

Puisi Melayu memperjelaskan pendedahan sendiri minda Melayu. Ianya mewakili usaha bagi orang Melayu bukan sahaja untuk konstruk realiti sosial tetapi juga mengimbu tentang diri mereka dan pengalaman mereka dalam konteks sesuatu situasi dengan mengguna bahasa yang mudah tetapi bertenaga. Puisi Melayu yang dicipta oleh masyarakat dulu berfungsi menjelaskan ideologi dan citra masyarakat melalui perkataan dan konsep yang jelas dan mudah difahami hingga ke hari ini.

Karya-karya lain yang telah dianalisis untuk mengesan kedudukan, identiti dan citra wanita Melayu dalam sumber tradisional termasuklah *Sejarah Melayu*, *Hikayat Munshi Abdullah*, *Hikayat Malim Deman*, *Hikayat Indra Pura*; *Syair Siti Zubaidah*, *Syair Siti Siannah* dan *Syair Bidasari* (lihat Sharifah Zaleha Hassan dan Rashila Ramli 1998).

Kekuatan hasil karya sastera sebagai saluran yang mengetengahkan kedudukan dan citra wanita adalah bergantung kepada kelebihannya dalam menghuraikan sesuatu isu melalui bahasa dan teknik penceritaan yang membuat deria manusia mudah terangsang. Persepsi manusia boleh dipengaruhi atau

dicermin oleh pelbagai elemen, dan salah satu daripadanya ialah bahasa. Menurut Asmah Hj. Omar (1986:2):

Persepsi berlaku melalui pancaindera kita, tetapi dalam melakukan persepsi kita menghayati alam sekeliling kita dan menimbulkan penggolongan atau pengkategorian bagi apa yang kita saksikan itu. Dan penggolongan atau pengkategorian tidak mungkin diwujudkan tanpa adanya bahasa.

Di samping itu, bahasa juga adalah petunjuk kepada kebudayaan seseorang penutur (lihat Asmah Hj Omar 1986). Dalam konteks bahasa yang digunakan dalam karya sastera seperti novel, selain daripada mengesan persepsi penulis terhadap sesuatu isu, kita juga dapat melihat gambaran sekitaran sosial dan fizikal menerusi watak-watak dalam novel, yakni watak wanita dan isu kewanitaan, melalui kaca mata penulis.

Disebabkan isu-isu yang diketengahkan dalam hasil-hasil karya sastera ini banyak diilhamkan oleh pengalaman dan buah fikiran penulis serta penelitiannya terhadap alam sekeliling, maka pengkajian bahasa dalam hasil-hasil karya tersebut dapat memberi suatu gambaran jelas mengenai nilai kehidupan, norma budaya, sikap serta kepercayaan terutamanya yang memabitkan hubungan insani.

DOKUMEN SEJARAH

Dokumen sejarah yang terhimpun di Arkib Negara dan perpustakaan adalah sumber data yang amat bernilai untuk pengkaji mengesan keadaan negara dan masyarakat di Tanah Melayu sebelum merdeka. Laporan-laporan rasmi oleh pentadbiran Inggeris mengandungi maklumat tentang keadaan dan program yang mereka laksanakan di Negeri-negeri Bersekutu dan Negeri-negeri Selat. Selain itu, kenyataan rasmi residen, surat-surat rasmi pegawai bertugas ketika itu, memorandum, laporan tugas, senarai nama peserta program dan petugas di pelbagai jabatan, surat orang awam dan lain-lain adalah sumber-sumber maklumat relevan yang perlu dikenal pasti dan disusun untuk mendapatkan gambaran menyeluruh tentang keadaan dan status sosioekonomi masyarakat sebelum merdeka.

Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai batasan dalam penggunaan dokumen sejarah tersebut, khususnya untuk kajian wanita dan gender. Pada asasnya, dokumen penjajah adalah untuk keperluan pentadbiran dan program politik dan ekonomi penjajah Inggeris. Bagi menjayakan program penjajah, isu-isu pekerja dan masyarakat amnya perlu diatasi. Tumpuan awal adalah di kawasan bandar, lombong dan estet yang merupakan ruang ekonomi penjajah. Masalah di kawasan luar bandar juga diberi perhatian tetapi lebih jelas selepas dekad 30-an, khususnya dalam menangani masalah kesihatan yang mundur. Keseluruhannya, maklumat dari dokumen sejarah adalah bersifat makro dan boleh dikatakan tidak ada maklumat khusus tentang wanita dan gender. Justeru, para pengkaji perlu mengumpul maklumat yang terpisah-pisah dan dari

pelbagai dokumen di samping membuat deduksi dari maklumat yang kebetulan berkaitan dengan wanita seperti masalah kesihatan ibu dan kanak-kanak, kehadiran murid di sekolah, ciri-ciri demografi yang melibatkan jantina, dan lain-lain (lihat Noraziah Ali dan Shaharuddin Ahmad 1998).

MAKLUMAT LISAN

Selepas 40 tahun merdeka, sebahagian wanita yang pernah mengharungi kehidupan masa lampau masih ada bersama kita untuk mengungkapkan satu kesinambungan kehidupan seperti yang mereka alami sendiri. Justeru, warga tua hari ini adalah sumber maklumat tentang kehidupan lampau yang mereka alami sendiri.

Kajian persampelan atau kajian kes dari satu kumpulan warga tua atau dari satu kawasan khusus sedikit sebanyak boleh melengkapkan lagi sumber maklumat masa lampau. Usaha-usaha penyelidikan atau penulis untuk menulis biografi atau autobiografi tokoh-tokoh wanita harus dipuji kerana pengalaman dan maklumat dari tokoh-tokoh berkenaan mendekatkan pembaca kepada wanita dan zamannya.

WACANA KEDUDUKAN, IDENTITI DAN CITRA MELAYU ZAMAN KOLONIAL

Kajian mengenai wanita dan kewanitaan dalam konteks epistemologi Melayu yang dimuatkan dalam jurnal ini adalah rangkaian penyelidikan wanita fasa dua. Melalui usaha gigih ahli-ahli akademik Universiti Kebangsaan Malaysia yang menganggotai Kelompok Kajian Wanita (KEKWA) yang diketuai oleh Prof. Dr. Sharifah Zaleha Syed Hassan, maka terhasil dapatan-dapatan kajian yang dibentangkan dalam Seminar Kedudukan, Citra dan Identiti Wanita Melayu: Zaman Kolonial bertempat di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) pada 14-15 Julai 1998. Lima daripada kertas kerja yang dibentangkan dan satu artikel sorotan tentang isu-isu tersebut secara sepintas lalu dimuatkan dalam keluaran khas Jurnal SARI ini. Manakala sebahagian besar daripada 17 buah kertas kerja yang dibentangkan diterbitkan dalam bentuk buku.

Pada fasa pertama seminar tentang citra dan kedudukan wanita berdasarkan sumber-sumber tradisional oleh Kelompok Kajian Wanita di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM pada tahun 1996 berjaya memperkayakan maklumat tentang wanita dan seterusnya meningkatkan pemahaman generasi hari ini tentang kehidupan wanita masa lampau, kedudukan mereka dan bagaimana masyarakat mencorakkan citra wanita Melayu. Sayugia dinyatakan di sini bahawa fasa pertama penyelidikan mengenai wanita dan kewanitaan telahpun diterbitkan dalam bentuk buku pada tahun 1998, bertajuk *Kedudukan dan Citra Wanita dalam Sumber-sumber Tradisional Melayu*.

Seminar seterusnya tentang citra dan kedudukan wanita sebelum Malaysia merdeka di ATMA pada tahun 1998 merupakan kesinambungan usaha untuk melihat kehidupan dan kedudukan wanita pada masa lampau berdasarkan data sekunder, karya penulisan dan kajian kes yang melibatkan wanita yang pernah menjalani kehidupan semasa pemerintahan Inggeris di Tanah Melayu dan masih hidup pada hari ini. Kedua-dua seminar berkenaan bukan sahaja berjaya mengisi kekosongan perspektif gender dalam masyarakat tradisional tetapi juga dapat meletakkan titik mula perubahan dan peralihan citra dan kedudukan wanita Melayu dengan lebih mapan.

Rahmah Hashim dalam tulisannya bertajuk “Citra Wanita dalam Akhbar Zaman Kolonial: Analisis Kandungan Akhbar Jawi Peranakan dan Utusan Melayu” mendapati berita-berita yang berhubung kait dengan wanita di zaman tersebut lebih banyak yang negatif terutamanya dalam *Jawi Peranakan*. Dalam kajiannya ke atas 122 buah berita yang dipilih sebagai sampel kajian daripada akhbar *Jawi Peranakan* (terbit 1876-Julai 1895) dan *Utusan Melayu* (mula 1906 yang mana 95 peratus adalah dalam tulisan Jawi), beliau mendapati 30 peratus adalah berita jenayah yang membabitkan wanita. Kajian tersebut menunjukkan berita tentang wanita tidak begitu kerap tersiar dalam akhbar zaman kolonial dan kalau adapun, kebanyakannya berunsur negatif dan memaparkan wanita sebagai mangsa jenayah, musibah, ataupun melanggar undang-undang sivil dan syariah. Namun keprihatinan pengarang terhadap kedudukan wanita dalam masyarakat serta usaha untuk meningkatkan martabat wanita memang wujud. Ini dapat dikesan melalui berita-berita pendidikan, ekonomi, sosiobudaya dan politik.

Sharifah Zaleha Syed Hassan dalam rencananya bertajuk “Peranan Sekolah Agama dalam Pembentukan Identiti Wanita Melayu di Zaman Kolonial: Kajian Kes Tarbiah Al Banat” mendapati sekolah berkenaan berjaya menawarkan konteks yang membantu gadis-gadis Melayu membina satu identiti kelompok berdasarkan pengalaman sepunya. Sekolah tersebut juga menunjukkan kemajuan dalam usaha menghadapi modenisasi melalui gemblengan Islam dan Barat dalam sistem pendidikan dan organisasinya.

Walau bagaimanapun, identiti yang terbina bagi gadis-gadis Melayu yang belajar di sekolah cawangan Maktub Mahmud ini, adalah identiti yang *sub-ordinated*. Berdasarkan penelitiannya, penulis berpendapat bahawa sekolah tersebut tidak membawa perubahan signifikan atau radikal dalam pemikiran Melayu mengenai wanita dan kewanitaan.

Karim Harun dan Mohammad Fadzeli Jaafar dalam penulisan bertajuk “Emansipasi Wanita Melayu: Satu Analisa Linguistik” mendapati dalam kajian mereka ke atas novel *Hikayat Faridah Hanum*, bahawa emansipasi wanita Melayu zaman kolonial memang wujud dan bermodelkan ala Islam. Ini bermaksud wanita ketika itu tidak memperjuangkan emansipasi berlandaskan budaya Islam yang sebenar.

- Rosnah Baharuddin dan Noraziah Ali 1998. Status dan Citra Wanita dalam Novel Melayu Sebelum Merdeka. Kertas kerja Seminar Kedudukan, Citra dan Identiti Wanita Melayu Zaman Kolonial, 14-15 Julai, 1998, ATMA, UKM.
- Roziah Omar 1994. *The Malay Women in the Body: Between Biology & Culture*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sandy, A. 1974. *Forwards a Theory of the Status of Women*. New York: George Allen & Unurin.
- Steinberg, C.S. (ed.) 1966. *Mass Media and Communications*. New York: Hastings House, Publishers, Inc.

Fokus Editor
Noraziah Ali
Jabatan Geografi
Fakulti Sains Kemasyarakatan & Kemanusiaan

Faridah Ibrahim
Jabatan Komunikasi
Fakulti Sains Kemasyarakatan & Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan